

19/05/2000

Eon, USPD edar Proton Waja

Badrila Jamlus

EDARAN Otomobil Nasional Bhd (Eon) dan Usahasama Proton-DRB Sdn Bhd (USPD) akan menjadi pengedar bersama bagi model terbaru, Proton Waja 1.6 liter, yang akan dibuka untuk tempahan pada Ogos tahun ini.

Walaupun proses pembelian Eon oleh Proton daripada Hicom Holdings Bhd (Hicom) belum selesai, kenyataan terbaru Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) dalam laman webnya, berkata pengedaran itu akan membabitkan kedua-dua model 1.6 liter manual dan automatik.

Proton berkata, Eon dan USPD masih meneruskan pengedaran bagi model Proton yang dikeluarkan sebelum ini.

Eon ketika ini mengedarkan model Perdana, Wira Sedan dan Proton Iswara manakala USPD adalah pengedar bagi model Proton Tiara, Satria, Wira Aeroback dan Putra.

Sebelum ini, Pengarah Urusan Eon, Datuk Adzmi Abdul Wahab, berkata Eon akan mengedar salah sebuah model terbaru Proton yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Beliau bagaimanapun berkata, pengumuman rasmi mengenai pelantikan Eon sebagai pengedar model kereta baru itu akan diumumkan oleh Proton.

Pada 4 Mac lalu, Petronas menandatangani perjanjian membeli keseluruhan 27.2 peratus atau 143.4 juta saham Hicom pada pertimbangan tunai RM1.033 bilion atau RM7 sesaham.

Dalam perjanjian itu, Proton bersetuju untuk mengambil alih 51 peratus kepentingan dalam USPD dari DRB dan empat peratus dari Erat Bakti Sdn Bhd, pada pertimbangan RM297.22 juta, atau RM27.02 sesaham.

Proton pula akan mengambil alih 32.18 peratus kepentingan dalam Eon daripada Hicom.

Eon mempunyai rangkaian pengedaran terbesar di Malaysia meliputi 52 cawangan jualan dengan 35 cawangan yang menawarkan perkhidmatan dan komponen, 123 wakil jualan, 92 wakil jualan komponen, 157 wakil perkhidmatan francais dan dua wakil perkhidmatan sah.

Menjawab soalan sama ada Eon akan berada di bawah Proton atau satu entiti berasingan di bawah Petronas, Proton berkata, Eon adalah sebuah syarikat senaraian awam dan cadangan penjualan kepentingan Hicom dalam Eon kepada Proton masih belum diselesaikan.

Berikutan itu, Eon akan terus beroperasi sebagai satu entiti berasingan dan meneruskan kegiatan pengedaran kereta nasional yang dilakukan ketika ini.

Mengenai model Proton Waja, Proton berkata kereta itu akan dilancarkan untuk jualan pada September ini manakala model Waja 1.8 liter yang menggunakan enjin Renault akan mula diperkenalkan bagi pasaran domestik dan eksport pada suku pertama 2001.

Laman web itu juga menyebut sebanyak 14 jenis warna menarik akan ditawarkan kepada pengguna dan ia akan diumumkan pada hari pelancaran jualan model itu termasuk harga Proton Waja.

"Proton mungkin memperkenalkan empat hingga enam jenis warna untuk tempoh enam bulan dan menambah pilihan warna pada tempoh yang seterusnya," katanya sambil menambah Proton akan terus mengeluarkan model Wira sebagai pilihan kepada model Proton yang sedia ada di pasaran ketika ini.

(END)